

BERITA HARIAN

DATE: 17/6/2010

## Dr Mahathir syor kekal AP percuma

BH-17/06/2010

**J**OHOR BAHRU: Kerajaan di-cadang meneruskan pemberian permit import (AP) kerajaan terbuka secara percuma kepada peniaga Bumiputera yang benar-benar menggunakan permit berkenaan untuk menjalankan perniagaan dalam bidang automotif.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan memberi AP dapat membantu orang Melayu dan Bumiputera menceburkan diri dalam bidang perniagaan automotif yang sebelum ini dimonopoli peniaga bukan Bumiputera.

"Ia tidak ada masalah, mereka yang layak dan benar-benar mempunyai bukti menja-

lankan perniagaan, tidak perlu dikenakan bayaran... bagaimanapun, ia hanyalah pendapat saya yang bukan lagi dalam kerajaan.

"Sebaliknya, mereka yang menjual AP untuk meraih keuntungan ini patut diambil tindakan dan ditarik balik AP mereka," katanya ketika mengulas langkah kerajaan ketika ini mengenakan caj RM10,000 pada setiap AP terbuka.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis pelancaran M7 Racing Sdn Bhd (M7) dan perasmian Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) M7 di Bangunan Mutiara Motors, Larkin, di sini semalam.